



## SIARAN MEDIA

### DATA TERBUKA BANTU RAKYAT MERANCANG PERJALANAN

---

**KUALA LUMPUR, 25 MEI:** Kerajaan melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah melaksanakan inisiatif Data Terbuka Malaysia berpacukan data dan berpaksikan rakyat. Pelaksanaan inisiatif ini telah berjaya menonjolkan manifestasi inovasi data terbuka melalui aplikasi mudah alih yang akan memberi banyak manfaat kepada rakyat.

Menurut YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, program Hari Data Terbuka 2017 turut merupakan testimoni usaha sama secara kolektif dan holistik yang diterajui oleh MAMPU dengan pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan, swasta dan pihak media yang memberi nilai tambah dan menjadi *touch point* rakyat. Program kali ini mengandungi dua segmen iaitu *Big Splash* Data Terbuka pada sesi pagi dan Seminar Data Terbuka pada sesi petang.

"*Big Splash* Data Terbuka" kali ini merupakan ciptaan inovasi aplikasi mudah alih yang berfungsi memberi kemudahan kepada para pengguna bas rapidKL bagi mengetahui jadual dan laluan perjalanan bas secara *realtime* bagi laluan bas rapidKL T789 dari Universiti Malaya ke Pantai Hill Park yang kini boleh diakses di hujung jari sahaja.

Aplikasi yang dibangunkan oleh Syarikat WRZiT ini berjaya menghasilkan aplikasi mudah alih untuk memudahkan orang awam mengetahui jadual bas pada masa sebenar, maklumat hentian bas, kesesakan penggunaan bas serta menyediakan platform bagi pengguna bas berkongsi maklumat lokasi dan masa ketika sedang menaiki bas. Ini adalah suatu testimoni kejayaan inovasi data terbuka yang memanfaatkan data untuk memberi manfaat kepada rakyat. Ia juga adalah merupakan permulaan "*Big Splash* Data Terbuka" yang menjadi *touch point* rakyat.

“*Big Splash* Data Terbuka” seterusnya akan diperluaskan di peringkat kementerian dan agensi mengikut kluster dan keperluan seperti kesihatan, ekonomi, pendidikan dan sebagainya,” katanya kepada pemberita ketika merasmikan Hari Data Terbuka 2017 di Universiti Malaya hari ini.

Hari Data Terbuka 2017 dianjurkan bagi mempromosikan kuasa data terbuka kepada semua pihak di samping membuat hebahan melalui media berkenaan inisiatif data terbuka ke arah meningkatkan penarafan *Open Data Barometer (ODB)*.

“Saya dapati bahawa program ini berjaya mencapai objektifnya dengan gembleran tenaga MAMPU bersama-sama rakan strategik yang optimis yang menyemarakkan lagi pelaksanaan inisiatif data terbuka di Malaysia melalui pendedahan seminar yang diadakan kepada para jemputan serta *showcase* produk data terbuka dengan lebih dekat. Syabas juga diucapkan kepada pihak PRASARANA yang telah menerbitkan set data melalui *data.gov.my* dan memberi sokongan penuh dengan menyediakan bas rapidKL bagi menjayakan program Hari Data Terbuka 2017 ini,” tambah beliau lagi.

Turut hadir dalam program *Big Splash* Data Terbuka ialah YB Dato’ Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan; YB Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara YBhg. Dato’ Sri Rahim Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan YBhg Dato’ Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Pengarah MAMPU.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat**

**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan**

**Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

**Jabatan Perdana Menteri**